

Muhyiddin dapat penangguhan, tetapi kena bayar RM400,000 dahulu

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dikehendaki membayar RM400,000 kepada Lim Guan Eng sebelum 31 Disember ini iaitu sebahagian bayaran ganti rugi saman fitnah dikemukakan oleh Pengerusi DAP.

Malah Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) itu juga perlu membayar baki RM1 juta kepada Guan Eng sebelum atau pada 27 Januari depan.

Ia bersabit keputusan Mahkamah Tinggi pada 8 November lalu yang memerintahkan Muhyiddin membayar ganti rugi berjumlah RM1.402 juta kepada Guan Eng selepas didapati bertanggungjawab memfitnah.

Perkara itu dimaklumkan peguam Chetan Jethwani dan Guok Ngek Seong yang masing-masing mewakili Muhyiddin dan Guan Eng ketika ditemui media selepas prosiding dalam kamar di Mahkamah Tinggi di sini semalam.

Pada prosiding melalui dalam kamar hari ini, Hakim Roz Mawar Rozain memberikan penangguhan bersyarat

kepada Muhyiddin dengan memerintahkan beliau membayar RM400,000 sebelum 31 Disember ini manakala baki ganti rugi terbabit sebelum 27 Januari tahun depan.

Pada 9 Disember lalu, Guan Eng mengemukakan permohonan di Mahkamah Tinggi di sini mengeluarkan notis kebankrapan terhadap Muhyiddin.

Ahli Parlimen Bagan itu selaku pemiutang penghakiman, memfailkan permohonan berkenaan melalui firma guaman Tetuan Guok Partnership, dengan menamakan Muhyiddin selaku penghutang penghakiman.

Ia bersabit keputusan Mahkamah Tinggi pada 8 November lalu yang memerintahkan Muhyiddin membayar ganti rugi berjumlah RM1,402 juta kepada bekas Ketua Menteri Pulau Pinang berkenaan, selepas didapati bertanggungjawab memfitnah.

Tuntutan pembayaran Guan Eng seperti dalam permohonan itu membabitkan jumlah penghakiman RM1.35 juta, kos tindakan (RM50,000) dan alokatur (RM2,000).